



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

ISU KENAIKAN MENDADAK HARGA TAMBANG PENERBANGAN ANTARA SEMENANJUNG MALAYSIA KE SABAH DAN SARAWAK SEMPENA MUSIM PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI 2022

1. Saya mendengar dan memahami keluhan orang ramai terutamanya pengguna pengangkutan udara mengenai peningkatan harga tambang penerbangan antara Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak seperti yang dilaporkan media. Saya akan menyiasat kesahihan aduan yang telah dilaporkan. Terima kasih kepada YAB Premier Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg; YAB Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Bin Noor; dan YB Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Bung Mokhtar Radin yang telah menyuarakan keluhan rakyat Sarawak dan Sabah untuk tindakan Kementerian Pengangkutan (MOT).
2. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM), harga tambang penerbangan pada 30 April 2022 (tarikh perjalanan puncak bagi musim perayaan Hari Raya Aidilfitri) telah meningkat berbanding purata harga tambang penerbangan pada tahun 2019. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan kos operasi terutamanya kenaikan harga bahan api jet, serta sumber terhad bagi syarikat penerbangan meningkatkan kapasiti sepenuhnya. Mekanisme penetapan harga dinamik atau 'dynamic pricing mechanism' juga menggunakan Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI) dalam proses menentukan harga tambang, bukan secara manual untuk menaikkan harga seperti yang didakwa. Syarikat penerbangan juga menghadapi masalah untuk menambah kapasiti penerbangan dengan segera akibat pandemik COVID-19. Pesawat-pesawat penerbangan perlu melalui proses penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih atau MRO (maintenance, repair, overhaul) sebelum pesawat diluluskan bagi tujuan perkhidmatan dengan selamat. Syarikat penerbangan terpaksa menyimpan pesawat mereka ketika negara menguatkuasakan sekatan pergerakan. Setelah negara memasuki fasa peralihan ke endemik dan permintaan meningkat daripada pengguna, syarikat penerbangan akan memerlukan lebih banyak masa dan alat gantian untuk kesiap-siagaan pengoperasian semula.
3. Bagi bulan April 2022, kekerapan penerbangan ke Sabah dan Sarawak masih rendah iaitu hanya pada tahap 68.0 peratus berbanding tahun 2019 (pra-pandemik).





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

4. Petang semalam, saya telah mempengerusikan satu mesyuarat khas yang melibatkan pihak MOT, MAVCOM, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) serta syarikat-syarikat penerbangan domestik bagi mencari penyelesaian terbaik dalam menangani masalah dan keluhan rakyat. Dalam mesyuarat tersebut, saya telah meminta MAVCOM dan syarikat-syarikat penerbangan segera menjalankan siasatan secara terperinci dan menyeluruh mengenai isu kenaikan harga tambang penerbangan pada musim perayaan ini.
5. Penetapan tambang penerbangan domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Jemaah Menteri pada ketika itu telah memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (network coverage), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran. Ini adalah selaras dengan amalan sebahagian besar negara-negara lain yang tidak mengawal harga tambang penerbangan bagi laluan antarabangsa atau domestik. Walaupun harga siling dapat menurunkan tambang penerbangan pada musim puncak, namun ia akan menyebabkan kenaikan harga tambang penerbangan ketika musim biasa.
6. MAVCOM, CAAM serta Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) bersedia untuk mempertimbang dan meluluskan permohonan syarikat-syarikat penerbangan untuk menambah frekuensi penerbangan, pengoperasian perkhidmatan kawalan trafik udara serta melanjutkan waktu operasi lapangan terbang pada musim perayaan ini dan akan datang. CAAM telahpun meluluskan pelanjutan waktu pengoperasian perkhidmatan kawalan trafik udara di lapangan terbang yang diperlukan. Ini akan membantu syarikat penerbangan dalam perancangan penambahan kapasiti terutamanya menjelang musim perayaan.
7. Kami komited dan akan berusaha sedaya upaya untuk menurunkan tambang penerbangan bagi meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat. MOT melalui MAVCOM akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai hasil perbincangan dengan semua syarikat penerbangan dalam tempoh terdekat.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
15 APRIL 2022

-TAMAT-

Pertanyaan Media

Hotline 1800-88-7723

Faks +603 8892 0208

E-mel aduan@mot.gov.my

